



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13(6)  
AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

**CKHT 3**  
CKHT 3 - Pin 1/2019

Borang ini ditetapkan di bawah seksyen 57 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

(Dikemukakan bersama-sama Borang CKHT 1A atau CKHT 1B, yang mana berkenaan)

Saya / Syarikat

  

(nama pelupus dalam huruf besar)

No. Rujukan

[No. Kad Pengenalan / No. Polis / No. Tentera / No. Pasport / No. Pendaftaran \*] \* potong yang tidak berkenaan

No. Cukai Pendapatan

dengan ini memberitahu bahawa saya bersetuju untuk melupuskan suatu harta tanah/saham dalam syarikat harta tanah seperti berikut

  

(maklumat harta tanah / saham dalam syarikat harta tanah)

yang boleh dikenakan cukai kepada

  

(nama pemeroleh dalam huruf besar)

Saya mengakui bahawa pernyataan di bawah adalah lengkap dan benar berkenaan pelupusan harta tanah / saham dalam syarikat harta tanah menurut Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT):

- Telah membuat permohonan pemilihan pengecualian cukai untuk pelupusan kediaman persendirian kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Perenggan 9 Jadual 3 (seksyen 8).
- Pelupusan aset mengakibatkan kerugian kerana harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan termasuk kes-kes rugi lelongan awam / Pelupusan aset yang tiada untung atau rugi.
- Pelupusan aset yang tidak dikenakan cukai menurut perenggan 17 Jadual 2.  
(Nyatakan nombor rujukan dan tarikh surat kelulusan .....
- Pelupusan aset yang dikecualikan cukai di bawah Perintah (Pengecualian) Cukai Keuntungan Harta Tanah / Surat Pengecualian.  
(Nyatakan nombor perintah / surat pengecualian .....
- Pelupusan aset yang tidak dikenakan cukai / dikecualikan cukai menurut :  
(Nyatakan peruntukan ACKHT yang berkenaan.....)

[tandakan (✓) dalam petak berkenaan]

Sekiranya saya memberi keterangan yang tidak benar yang menyebabkan pemeroleh gagal menahan dan meremitkan bayaran 2% (mulai tahun taksiran 2010 sehingga 2014), 3% (mulai tahun taksiran 2015) atau 7% (mulai tahun taksiran 2018 oleh individu bukan Warganegara dan bukan Pemastautin Tetap), kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan terhadap taksiran yang dibangkitkan ke atas saya.

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa perakuan di atas adalah benar dan betul. Jika tidak, tindakan pendakwaan di bawah seksyen 30 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 boleh diambil dan jika disabitkan suatu kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00).

Tarikh

Tandatangan Pelupus

PERINGATAN

- CKHT 3 perlu dikemukakan bersama-sama Borang CKHT 1A atau CKHT 1B ke LHDNM dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan harta tanah / saham dalam syarikat harta tanah supaya pemeroleh tidak perlu membuat bayaran 2% (mulai tahun taksiran 2010 sehingga 2014), 3% (mulai tahun taksiran 2015), atau 7% (mulai tahun taksiran 2018 oleh individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap) daripada jumlah balasan atau kesemua wang berkenaan yang mana lebih rendah kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Salinan CKHT 3 perlu diserahkan kepada pemeroleh untuk dikemukakan bersama-sama Borang CKHT 2A oleh pemeroleh ke LHDNM dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan harta tanah / saham dalam syarikat harta tanah.